

UMS sambut baik MoU dengan RTM, pertingkat program Komunikasi

NST 17.9.17 9

KOTA KINABALU: Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) disambut baik oleh para pensyarah program Komunikasi UMS (HA02).

Pensyarah kanan, Dr. Haryati Abdul Karim berkata MoU tersebut memberi pelbagai manfaat khususnya kepada para pensyarah dalam program Komunikasi di FKSW, UMS.

"Sebagai pensyarah, tentunya kami dapat menimba ilmu dari pihak RTM tentang teknik terkini dalam bidang penyiaran dan penerbitan berita khususnya, selain dapat dimanfaatkan kepada para pelajar.

"Bidang kewartawanan dan penyiaran adalah bersifat 'hands-on' dan terus dari industri, jadi setelah terlaksananya MoU ini, sekaligus ia menetapi peraturan MQA, yang menjelaskan bahawa program Komunikasi perlu mempunyai kemudahan yang mencukupi dan memuaskan untuk menyediakan dan menawarkan kursus Penyiaran kepada pelajar," katanya.

Jelas beliau lagi, FKSW turut dapat meningkatkan teknologi dan kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh para pelajar Komunikasi dalam kebanyakan konteks.

"Saya sangat berharap, MoU ini dapat mengatasi dan meningkatkan taraf kemudahan penyiaran yang tersedia di FKSW kerana subjek teras yang ditawarkan bagi kursus Penyiaran adalah lebih bergantung kepada penggunaan studio, konti dan bilik suntingan.

"Kerjasama RTM dalam MoU ini mampu memberikan kemudahan kepada pensyarah dan para pelajar bagi

proses pembelajaran sekaligus dapat menaiktaraf peralatan bagi pihak program," katanya kepada *New Sabah Times*.

Turut berkongsi pandangan, Pensyarah, Dr. Syahrudin Awang Ahmad bersetuju dengan pandangan rakan pensyarahnya dan berkata memorandum tersebut adalah platform terbaik dalam mendedahkan bidang kewartawanan dan penyiaran kepada para pelajar memandangkan sifat pengajian bidang itu adalah secara 'hands-on'.

"Susah tentu para pelajar yang dihantar untuk menyertai kursus dan latihan bersama pihak RTM dalam tempoh praktikal mampu dan dijangka berupaya menggalas tugas serta tanggungjawab sebagai penerbit, wartawan penyiaran, penyampai dan pengurus stesen penyiaran secara holistik," katanya.

Menurut Syahrudin, dalam tempoh jangka masa lima tahun MoU itu dipersetujui, program Komunikasi FKSW dapat meningkatkan kredibiliti dan penyediaan kandungan pengajaran kepada para pelajar dengan bimbingan dan nasihat dari pihak RTM:

Tambahnya lagi, rangka dan modul latihan secara berterusan mampu memberikan para pelajar pengalaman persekitaran sebenar dalam industri selain pihak program (pensyarah dan pelajar) bersama RTM dapat menikmati kemudahan di kedua-dua organisasi.

"Program Komunikasi di FKSW dan RTM dapat saling memberi dan menerima secara *win-win situation*," katanya.

Mengulas lanjut berkenaan peluang tambahan dalam

bidang penyelidikan dan pembangunan, Syahrudin berkata perkembangan dalam bidang penyiaran yang ditonjolkan oleh RTM memberi banyak ruang kepada pihak penyelidik dan sarjana di FKSW untuk menjalankan kajian.

"Saya yakin, perkembangan teknologi penyiaran RTM banyak memberi input kepada penyelidik dalam bidang komunikasi khususnya di FKSW, UMS untuk menjalankan kajian berkaitan kesesuaian teknologi, budaya mengakses berita dan hiburan, serta penerimaan audien terhadap mesej yang disampaikan oleh berita televisyen dan radio," jelasnya lagi.

Haryati turut berpendapat bahawa ruang penyelidikan dan pembangunan yang ditawarkan melalui MoU itu juga dapat mewujudkan kerjasama penyelidikan yang belum pernah terjalin diantara kedua-dua pihak.

"Kualiti kandungan program boleh dikaji melalui penyelidikan yang boleh dibuat oleh penyelidik dan sarjana sekaligus dapat membantu pihak RTM dalam menjalankan kajian audien bagi tujuan penambahbaikan program dan rancangan yang disiarkan," katanya.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMS dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), telah berlangsung dua hari lalu di Bangunan Canselor UMS.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Prof. D. Kamarudin D. Mudin dengan Ketua Penyiaran Malaysia, Datuk Abu Bakar Ab. Rahim yang disaksikan oleh Pendaftar UMS, No'man Ahmad dan Timbalan Pengarah RTM Sabah, Malinaziah Datuk Mohd Julaspi.